

09 OCT 1997

Anwar-WTO

PERWAKILAN WTO AKAN KE SINI BERKAITAN DAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Satu perwakilan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang diketuai oleh ketua pengarahnya Renato Ruggiero dijadual tiba di sini akhir bulan ini untuk mendapatkan maklumat balas dari Malaysia mengenai halatuju negara ini berhubung dagangan mata wang.

Ketika mengumumkan demikian hari ini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kedatangan perwakilan itu ada kaitan dengan cadangan Malaysia untuk menangani masalah spekulasi mata wang.

Menurut Anwar, Ruggiero telah menelefon beliau semalam meminta Malaysia memberikan maklumat tersebut dan bagi memastikan Malaysia tidak akan mengharamkan dagangan mata wang.

Bagaimanapun, Anwar menjelaskan bahawa pendirian Malaysia yang sering diketengahkan oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak akan mengganggu kelancaran rundingan WTO mengenai persoalan itu yang dijadualkan di Geneva pada 15 Disember depan.

Katanya Malaysia tidak berniat untuk menggagalkan kelancaran perundingan itu tetapi apa yang negara inginkan ialah untuk terus melindungi kepentingannya dan juga kepentingan ekonomi-ekonomi sedang muncul.

Anwar yang juga menteri kewangan berkata kelantangan perdana menteri mena ngani urusan spekulasi mata wang telah mendapat perhatian dunia.

"Bukan kita minta dunia beri perhatian kepada Kuala Lumpur tetapi menjaga kepentingan negara-negara membangun dan sedang berkembang termasuk Asean," kata beliau.

Beliau juga ada menerima mesej faksimili daripada Bank Dunia untuk meminta Malaysia berbincang mengenai masalah mata wang yang melanda Malaysia juga sebahagian negara-negara Asean.

Sebelum itu, menurut Anwar, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang telah bermesyuarat minggu ini, meminta pandangan Malaysia tentang kemungkinan mengkaji syarat dan peraturan berhubung dengan spekualsi mata wang.

"Pada hemat saya cadangan dan gesaan yang mula dilemparkan PM walaupun pada peringkat awal mengejutkan dunia, sekarang reda sedikit. Mereka dapat menerima hujah-hujah kita bahawa harus ada semangat untuk terus membuka pasaran," katanya lagi.

Bagaimanapun, peraturan harus diadakan untuk mengawal kepentingan negara dan ekonomi negara sedang berkembang.

Katanya, negara-negara ini tidak boleh dijadikan kesempatan untuk meraih keuntungan melalui cara dan perilaku yang telah dilakukan oleh pihak spekulator.

Sementara itu, Anwar mengulangi kenyataan bahawa Malaysia tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa perubahan dalam peraturan yang sedia-ada dalam urusan dagangan mata wang.

Peraturan yang sedia ada akan diteliti berdasarkan maklumat dan kajian bersama yang dibuat oleh IMF dan wakil Bank Dunia yang akan mengadakan rundingan dengan Malaysia dalam berberapa hari lagi.

"Kita bersetuju untuk teruskan dasar pengliberalan, tetapi kita mahu pengliberalan tidak akan merugikan negara-negara membangun dan tidak dijadikan medan untuk orang meragut dengan mudah kepentingan negara-negara tersebut," tegas beliau. -- BERNAMA

ZMY SIA NMO